

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 7.3.2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan melaksanakan dasar memperkenalkan pembelajaran Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai satu mata pelajaran wajib di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk memangkin kefahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan serta menghayati Rukun Negara di kalangan rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ilmu berkaitan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara telah disepadukan dengan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam mata pelajaran Sejarah. Tajuk berkaitan perkara tersebut terdapat dalam Kurikulum Sejarah yang dilaksanakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Sejarah Tahun 5 dan Tahun 6. Di peringkat sekolah menengah, tajuk itu dibincangkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Sejarah Tingkatan 2 serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Sejarah Tingkatan 3 dan Tingkatan 5.

Sehubungan dengan itu, Kementerian tiada perancangan untuk memperkenalkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai satu mata pelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

RJM11